

PANDANGAN STRATEGIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



ooo

**2025 MERUPAKAN
TAHUN YANG PROGRESIF
BAGI YAYASAN JCorp.
KAMI BERJAYA
MENGUKUHKAN
REPUTASI SEBAGAI
SEBUAH ORGANISASI
YANG DIPERCAYAI
MENERUSI PENERIMAAN
PELBAGAI ANUGERAH
INDUSTRI, KERJASAMA
STRATEGIK, DAN
PEMBERIAN GERAN
DARIPADA PELBAGAI
ORGANISASI.**

Zaidatul Zurita Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif



Imbas untuk menonton
video Ketua Pegawai
Eksekutif

EVOLUSI IMPAK POSITIF

Komitmen kami terhadap ketelusan dan kecemerlangan diiktiraf menerusi Anugerah Khas Emas NACRA bagi pelaporan yang telus, Anugerah Seni Sektor Korporat Peringkat Negeri Johor atas komitmen memartabatkan warisan budaya, serta Anugerah “Foundation of The Year” daripada CSR Malaysia. Kesemua anugerah ini bukan sahaja mengiktiraf pencapaian kami, malah mencerminkan pendekatan yang kami amalkan dalam melaksanakan setiap inisiatif.

Rangkaian kerjasama kami terus diperkukuh, melibatkan agensi kerajaan negeri, yayasan di seluruh Malaysia, serta rakan strategik baharu daripada sektor swasta. Namun, yang lebih bermakna adalah insan yang menerima manfaat daripada setiap usahasama ini. Izinkan saya mengajak anda menelusuri beberapa sorotan utama kami sepanjang tahun 2025.

MEMPERKASA GENERASI SETERUSNYA MENERUSI PENDIDIKAN

Pada tahun 2025, lebih 15,000 pelajar menerima manfaat menerusi program kemahiran Yayasan JCorp sekali gus membantu merapatkan jurang digital dan ekonomi serta mempersiapkan golongan muda untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Menerusi Program Literasi Digital, kami menyediakan komputer riba dan papan pintar kepada sekolah luar bandar, khususnya bagi golongan B40 dan Orang Asli, manakala inisiatif Rumah Hijau Pertanian Pintar mengubah bilik darjah menjadi makmal agri-teknologi yang memberi peluang menjana pendapatan.

Program pendidikan jangka panjang yang lain turut menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Paling membanggakan, murid-murid SK Yong Peng berjaya meraih gelaran Juara Kebangsaan *Choral Speaking*. Ini menunjukkan bahawa pelaburan yang tepat mampu menghasilkan pulangan yang luar biasa.

 Rujuk Seksyen 16 hingga 33 untuk butiran program.

MELINDUNGI BUMI UNTUK GENERASI AKAN DATANG

Inisiatif alam sekitar kami terus menunjukkan hasil yang positif. Menerusi program “The Future Powered Project”, kami membekalkan tenaga solar kepada sebuah sekolah luar grid di Johor. Menerusi Program Rehabilitasi Terumbu Karang, kami membantu memulihkan struktur terumbu karang di Pulau Aur. Inisiatif *One Million Roots for the Future* pula menyaksikan penanaman 3,611 pokok bakau sebagai tambahan kepada jumlah sedia ada. Manakala kempen Cabaran Kaca Pun Boleh! yang melibatkan 60 buah sekolah berjaya mengalihkan 107 tan sisa buangan daripada tapak pelupusan. Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan bahawa penjagaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti harus bergerak seiring.

 Rujuk Seksyen 44 hingga 65 untuk butiran program.

KE ARAH KESEJAHTERAAN KOMUNITI SECARA INKLUSIF

Pada tahun 2025, lebih 20,000 individu menerima manfaat menerusi pelbagai inisiatif kemasyarakatan kami yang inklusif dan bersifat menyeluruh. Program Peningkatan Kemahiran Semula dengan kerjasama PERHEBAT mendorong para peserta untuk terus menjadi penyumbang aktif kepada ekonomi Johor, manakala program Penempatan Pekerjaan bersama PERKESO membuka laluan kerjaya untuk individu-individu kelainan upaya. Program Saringan Pengesanan Awal dan Terapi Cara Kerja telah dijalankan ke atas lebih 200 kanak-kanak daripada golongan kurang berkemampuan, sekali gus memastikan intervensi yang bersesuaian dapat diberikan. Larian Amal anjuran Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor terus menyatukan masyarakat dan meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser; manakala program *Waves of Support* berjaya menyantuni 180 keluarga dan 55 pelajar yang terkesan akibat monsun.

 Rujuk Seksyen 66 hingga 79 untuk butiran program.

MEMPERKAYAKAN SENI, BUDAYA, DAN WARISAN

Ekonomi yang makmur memerlukan jiwa, dan Yayasan JCorp memikul tanggungjawab memelihara kraf, artisan, serta warisan Johor. Menerusi Projek Legasi Johor, kami membantu menghidupkan semula seni tenunan Kain Benang Johor, sekali gus mentransformasikan warisan tersebut menjadi sumber pendapatan mampan untuk generasi akan datang. Pentas Seni Johor serta program festival kebudayaan kami yang melibatkan 356 artis berjaya menarik minat lebih 45,000 pengunjung fizikal dan lebih satu juta penonton digital. Usaha ini melayakkan kami menerima Anugerah Seni Sektor Korporat Peringkat Negeri Johor, sekali gus mencerminkan bahawa warisan Johor bukan sekadar dipelihara, malah terus mendapat perhatian dan penghayatan baharu.

 Rujuk Seksyen 34 hingga 43 untuk butiran program.

KOMITMEN ESG KAMI DAN LANGKAH SETERUSNYA

Pada tahun 2025, lebih 100,000 individu menerima manfaat menerusi pelbagai inisiatif Yayasan JCorp, termasuk penanaman pokok, pemulihan terumbu karang, penyediaan peluang pekerjaan kepada pesara dan golongan muda, sokongan kepada kumpulan rentan, serta pemuliharaan warisan untuk generasi akan datang. Pencapaian ini disokong oleh strategi yang jelas, kerjasama yang kukuh dan keyakinan yang berterusan.

Melangkah ke hadapan, Pelan Transformasi 2024-2028 terus menjadi kerangka panduan kami. Kami terus menerapkan prinsip ESG dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam setiap inisiatif kami, selain menggunakan *Social Return on Investment* (SROI) sebagai mekanisme pengukur impak bagi memastikan setiap ringgit yang dilaburkan menghasilkan kesan berganda dan berpanjangan.

Kami amat menghargai syarikat-syarikat di bawah Kumpulan JCorp iaitu KPJ Healthcare Berhad, Johor Plantations Group Berhad, JLG Group, dan QSR Brands (M) Holdings Bhd, serta rakan-rakan strategik, agensi-agensi kerajaan, dan komuniti yang meletakkan kepercayaan mereka kepada kami. Halatuhu kami menjelang tahun 2030 adalah jelas iaitu untuk menggunakan setiap inisiatif kami sebagai medium untuk membina Johor yang lebih saksama, kalis masa hadapan, dan berdaya tahan. Setiap daripada kita memainkan peranan penting dan dengan itu, saya menyeru anda untuk menyertai kami dalam perjalanan ini.

Zaidatul Zurita Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Johor Corporation
2025

